





Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 3 (16)

Tarikh : 3 September 2020

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/2020**

**PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT – TEMPOH PEMASTAUTIN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pemakluman JPT/GS 1000-67 Jld. 1 (44) bertarikh 23 Mei 2016, JPT(A) 1000/001/013/05 Jld. 6 (3) bertarikh 5 Februari 2020 dan JPT/BPP(P) 1000-752 Jld. 4 (11) bertarikh 10 Jun 2020 berkaitan 'Tempoh Pemastautin' (Residential Requirement) pelajar adalah dirujuk.

3. Tempoh pemastautin yang dinyatakan dalam pemakluman JPT merujuk kepada masa keberadaan (physical/ non-physical) pelajar di premis PPT yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di PPT tersebut.

4. Tempoh pemastautin disyaratkan kepada pelajar yang masih dalam pengajian tetapi ingin bertukar ke PPT lain untuk mengikuti program pada tahap kelayakan yang sama berdasarkan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF). Tempoh ini penting bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman sebenar dan pendedahan yang sewajarnya di PPT penerima yang akan menganugerahkan kelayakan dan diberikan pindah kredit secara *horizontal*.

5. Perincian berkaitan Tempoh Pemastautin telah diteliti dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2020 pada 29 Julai 2020 dan dipersetujui agar **tempoh pemastautin bagi kelayakan Sarjana Muda Tahap 6 MQF dipinda daripada 1 tahun kepada 1 semester** seperti dalam Jadual di bawah:

TEMPOH PEMASTAUTIN SEMASA	
1) Kedoktoran	1 semester
2) Sarjana	1 semester
3) <b>Sarjana Muda</b>	<b>1 tahun</b>
4) Diploma	1 semester
5) Sijil	1 semester



TEMPOH PEMASTAUTIN TERKINI	
1) Kedoktoran	
2) Sarjana	
3) <b>Sarjana Muda</b>	<b>1 semester</b>
4) Diploma	
5) Sijil	

*Hebahan PPT  
f.s.p.*

6. Diharapkan agar PPT mengambil maklum akan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit – Tempoh Pemastautin dan seterusnya memastikan pelaksanaannya dapat dirancang dengan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**